

**Lawatan Gawai Dayak Najib Terus Perkukuh Hubungan Sarawak-Persekutuan
Bernama
2 Jun, 2012**

JULAU, 2 Jun (Bernama) -- Lawatan Gawai Dayak Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke dua rumah panjang di sini serta dewan komuniti di Betong Ahad akan terus memperkukuh hubungan erat yang terjalin antara masyarakat itu di Sarawak dan kepimpinan kerajaan Persekutuan.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang berkata lawatan Najib, yang diiringi Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, akan menyebabkan kaum Dayak berasa mereka bukan sekadar anggota parti komponen Barisan Nasional.

"Mereka akan berasa diri amat penting memandangkan pemimpin utama negara sanggup turun padang dan melawat mereka sempena sambutan Pesta Gawai," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan terakhir bagi menyambut Najib, Taib dan rombongan ke majlis rumah terbuka Gawai anjuran Parti Rakyat Sarawak (PRS) di Rh.Jana anak Saweng di sini.

Salang berkata sejak merdeka, masyarakat itu sentiasa menyokong kerajaan negeri dan Persekutuan.

Beliau juga berkata tindakan Najib itu menunjukkan "beliau benar-benar antara pemimpin yang boleh disifatkan sebagai amat mesra rakyat."

"Beliau bukan seorang pemimpin yang sekadar pandai bercakap malah membuktikannya dengan turun padang untuk melawat semua rakyat di seluruh negara tanpa mengira dari mana mereka berasal atau siapa mereka. Beliau benar-benar menyebarkan semangat 1Malaysia yang diilhamnya," katanya.

Salang berkata kunjungan peribadi itu amat signifikan kerana komuniti rumah panjang sudah lama mempraktikkan intipati 1Malaysia kerana perkahwinan antara kaum di kalangan mereka adalah suatu perkara biasa.

Mengulas sama ada Najib bakal mengumumkan habuan Gawai kepada masyarakat itu, beliau berkata mereka tidak mengharapkan apa-apa.

"Kami sekadar meraikan perayaan Hari Gawai. Jika beliau amat bermurah hati untuk memberikan habuan, ia amat dialu-alukan oleh masyarakat Dayak," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670556>